

Berita Harian Februari 2018

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Khamis 1 Februari 2018	Khidmat 17 kontraktor rumah generasi kedua FELDA dibatal	Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Samad	3
2.	Khamis 1 Februari 2018	Rangka pelan perolehan sijil halal kepada pengusaha PKS	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki	4
3.	Isnin 5 Februari 2018	RM250 juta dana TEKUN bantu wanita bermiaga	Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek	5
4.	Jumaat 9 Februari 2018	Audit forensik senarai nama Lembaga Pengarah FELDA, FIC	Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Samad	7
5.	Ahad 11 Februari 2018	RM2.9 bilion untuk bantuan persekolahan tahun ini	Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin	9
6.	Ahad 11 Februari 2018	Konsesi tol terowong bakal paling 'berat sebelah' - Fadillah	Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof	11
7.	Rabu 14 Februari 2018	Muhyiddin akui tandatangan surat kelulusan projek NFC	Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin Yassin	13
8.	Sabtu 17 Februari 2018	RM3.7j bina jeti, benteng pemecah ombak Langkawi	Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak	15
9.	Sabtu 17 Februari 2018	'SPRM perlu siasat isu tanah Ijok'	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
10.	Sabtu 17 Februari 2018	Isu terowong dasar laut, Guan Eng boleh disiasat	Ketua Menteri, Lim Guan Eng	19
11.	Sabtu 17 Februari 2018	RM1.3b laksana 5 projek infrastruktur Langkawi - PM	Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak	21
12.	Isnin 19 Februari 2018	Melaka terima RM300 juta laksana ORS	Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron	23
13.	Selasa 20 Februari 2018	SPRM pantau ahli politik Kelantan terbabit rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan	25

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
14.	Jumaat 23 Februari 2018	ECRL bermanfaat besar kepada rakyat - Tengku Abdullah	Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah	26
15.	Ahad 25 Februari 2018	RM564 juta bagi atasi banjir di Pekan	Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak	28
16.	Isnin 26 Februari 2018	SPRM masih teliti dokumen tanah Ijok	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), SPRM Datuk Seri Azam Baki	30
17.	Isnin 26 Februari 2018	RM10 juta bagi pemuliharaan alam sekitar projek ECRL	Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar	32
18.	Selasa 27 Februari 2018	1MDB ditutup selepas selesai hutang	Pengerusi 1MDB, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah	34

1. Khidmat 17 kontraktor rumah generasi kedua FELDA dibatalkan

BENTONG: FELDA menamatkan kontrak 17 syarikat yang gagal menyiapkan projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) di seluruh negara mengikut tempoh masa ditetapkan.

Pengerusinya, Tan Sri Shahrir Samad, berkata penamatan kontrak itu terpaksa dilakukan berikutan pihak kontraktor utama gagal menyiapkan projek mengikut jadual ditetapkan atau mendapati tiada kemajuan projek yang memuaskan.

"Lembaga Pengarah FELDA sudah bersetuju untuk membatalkan (kontrak) kontraktor yang bermasalah tetapi mengekalkan perunding sedia ada. Ini kerana kita masih memakai reka bentuk yang disiapkan oleh arkitek mereka.

"Kita bukan cakap kosong berbanding pembangkang yang hanya pandai menuding jari tanpa melakukan sesuatu pun.

"Mencari kesalahan memang mudah dan kita akui ada kelemahan di sana sini dan FELDA mengambil inisiatif untuk membaiki kelemahan yang ada itu," katanya ditemui di FELDA Lurah Bilut, dekat sini, hari ini.

Shahrir sebelum itu meninjau persiapan pelancaran FELDA 2.0 yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di tanah rancangan itu, Ahad ini.

Malah, beliau berkata, FELDA akan sentiasa berusaha memperbaiki kelemahan sekali gus membuktikan kerajaan serius dalam usaha menyediakan perumahan untuk generasi kedua dan ketiga tanah rancangan itu.

"Kita juga akan membina projek Perumahan 1FELDA di FELDA Lurah Bilut sebagai inisiatif memperbanyak lagi rumah untuk generasi itu dan buat permulaan sebanyak 50 unit rumah yang sedang dibina secara pasang siap berharga antara RM70,000 hingga RM90,000 setiap satu," katanya.

Pada masa yang sama, beliau juga berkata, FELDA turut membenarkan anak peneroka membina sebuah lagi rumah dalam tapak rumah sedia ada di tanah rancangan masing-masing.

2. Rangka pelan perolehan sijil halal kepada pengusaha PKS

PASIR PUTEH: Kerajaan Pusat sedang merangka pelan bagi mempergiatkan pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mendapatkan sijil halal dalam usaha mengembangkan produk ke peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata ramai pengusaha PKS di negara ini berpotensi memasarkan produk sehingga ke luar negara, namun terhalang disebabkan persijilan halal.

"Kerajaan sedang merangka satu pelan kerjasama dengan Majlis Agama Islam peringkat negeri untuk membantu PKS mendapatkan sijil halal untuk produk yang mempunyai keupayaan pasaran antarabangsa.

"Kita perlu menjadi pemudah cara untuk perolehan persijilan halal tanpa sedikit pun mengurangkan piawaian kerana ia diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Kita tidak boleh kurangkan piawaian tetapi tingkatkan kapasiti dan kualiti pengusaha PKS dalam negara," katanya pada sidang media sempena Fiesta [Sehati@RTM](#) di perkarangan Kompleks Uthmaniyah di sini, sebentar tadi.

Sementara itu, Asyraf Wajdi berkata, ada segelintir yang menganggap Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) berkuasa penuh mengeluarkan sijil halal tetapi sebenarnya kuasa itu terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri.

Terdahulu beliau merasmikan majlis 'Temu Mato' pesawah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin, Semerak bersama pemimpin dan pihak pengurusan Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani.

Seramai 120 pesawah menerima insentif penanaman padi luar musim membabitkan 151 hektar tanah berjumlah RM302,700./

3. RM250 juta dana TEKUN bantu wanita bermiaga

PUTRAJAYA: Sebanyak 50 peratus daripada RM500 juta dana Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) akan diperuntukkan kepada usahawan wanita selaras dengan Tahun Memperkasakan Wanita 2018.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata menerusi langkah itu, sebanyak RM250 juta daripada jumlah keseluruhan peruntukan berkenaan akan digunakan bagi membantu usahawan wanita memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka.

"Seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, 2018 adalah Tahun Memperkasakan Wanita. Selain menetapkan sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan, satu lagi perkara penting ialah menggalakkan golongan terbabit mempunyai sumber kewangan sendiri.

"Sebagai contoh, ada banyak kes isteri ditinggalkan suami yang menjadi pencari nafkah tunggal dalam keluarga atau ibu tunggal yang bertungkus-lumus membina kehidupan lebih baik.

"Jadi, pemerkasaan ini akan memberi mereka keupayaan untuk membina hidup sendiri, selain mempunyai sumber kewangan sendiri," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Asas Keusahawanan Negeri Selangor dan pelancaran aplikasi telefon pintar, TEKUN Pay di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman dan Pengurus TEKUN Nasional, Datuk Norazita Abdul Rahman.

Ketika pembentangan Bajet 2018, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan RM500 juta bagi TEKUN Nasional yang akan membantu usahawan kecil mengembangkan perniagaan mereka.

Beliau berkata, usahawan wanita juga dilihat lebih konsisten dalam membuat pembayaran balik menerusi skim pembiayaan TEKUN Nasional berbanding usahawan lelaki.

Mengenai aplikasi TEKUN Pay, Ahmad Shabery berkata, kaedah itu akan membolehkan usahawan skim TEKUN Nasional membuat pembayaran balik pinjaman mereka hanya di hujung jari.

Katanya, aplikasi berkenaan juga bertujuan meningkatkan integriti dan memastikan transaksi dilakukan dengan telus.

"Peminjam tidak perlu hadir ke pejabat TEKUN Nasional dan bank untuk menyelesaikan pembayaran kerana boleh menggunakan aplikasi ini untuk memeriksa baki, jadual pembayaran dan membuat pembayaran.

"Aplikasi ini bukan saja menjadikan transaksi lebih mudah, malah memastikan ketelusan dan integriti memandangkan setiap transaksi dicatatkan dalam sistem," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, TEKUN Nasional merancang membangunkan sebuah sistem bagi membolehkan bakal usahawan kecil membuat permohonan skim pembiayaan.


"Kita mahu mencontohi negara lain iaitu permohonan skim melalui sistem dan bukan di pejabat TEKUN Nasional, sebagai contoh China yang mempunyai sistem membolehkan mereka menyemak rekod jika bakal usahawan terbabit layak atau sebaliknya.

"Kaedah ini mengambil masa hanya 15 hingga 30 minit untuk meluluskan permohonan dan kita berharap dapat membina sistem ini," katanya.



MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek merasmikan Seminar Asas Keusahawanan Negeri Selangor dan pelancaran aplikasi telefon pintar, TEKUN Pay di Putrajaya, hari ini

4. Audit forensik senarai nama Lembaga Pengarah FELDA, FIC



SHAHIRIR menunjukkan gambar tapak projek pembangunan projek KLVC dan projek FELCRA ketik Sidang media Pengumuman Hasil Audit Forensik Tanah Jalan Semarak di Menara Felda

KUALA LUMPUR: Laporan akhir audit forensik ke atas projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) menyenaraikan secara kolektif ahli Lembaga Pengarah FELDA dan Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC) ketika transaksi sejak 2014 untuk tindakan tata tertib dan undang-undang.

Pengerusi FELDA, Tan Sri Shahrir Samad, berkata pihaknya perlu melakukan semakan secara perundangan menerusi firma guaman untuk mengambil tindakan sivil kepada individu yang kini bukan lagi ahli lembaga pengarah atau kakitangan FELDA atau FIC.

Katanya, pegawai yang masih lagi bersama FELDA atau FIC pula boleh dikenakan tindakan turun pangkat dan gaji, tertakluk kepada kuasa yang ada pada jawatankuasa organisasi terbabit.

"Jawatankuasa Siasatan Lembaga FELDA akan dibantu firma undang-undang untuk meneliti peruntukan undang-undang yang boleh diambil bagi memenuhi permintaan Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang menyatakan perlunya tindakan tatatertib dan undang-undang diambil.

"Tempoh tiga bulan diberikan kepada Jawatankuasa Siasatan Lembaga FELDA dan firma perundangan untuk melengkapkan semakan," katanya pada sidang media selepas mesyuarat khas di sini, malam tadi.



Shahrir pada sidang media Pengumuman Hasil Audit Forensik Tanah Jalan Semarak. - Foto Zunnur Al Shafiq

Kontroversi membabitkan tanah FELDA itu tercetus selepas BH dalam laporan muka depannya pada 21 Disember lalu mendedahkan agensi berkenaan berisiko kehilangan tanah miliknya di Jalan Semarak.

Pindah milik yang diragui itu dipercayai berlaku apabila FIC melantik Synergy Promenade Sdn Bhd (SPSB) sebagai pemaju utama pada 3 Jun 2014 dan diberikan surat kuasa wakil penuh bagi membangunkannya.

Pasukan firma audit luar yang dilantik melakukan audit forensik ke atas projek KLVC menyerahkan laporan akhir kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 2 Februari 2018 untuk meneliti dan bersetuju ia memenuhi objektif pengauditan yang ditetapkan.

Susulan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersetuju untuk ditubuhkan satu Jawatankuasa "Domestic Enquiry" bagi mengambil tindakan atas cadangan dan syor laporan audit itu.

Jawatankuasa Perunding turut ditubuhkan bagi mengkaji semula perjanjian di antara FIC dengan SPSB dan Synergy Promenade Kuala Lumpur Vertical City Sdn Bhd (SPKLVCSB).

Jawatankuasa itu disertai Datuk Dr Yusof Ismail, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, Datuk Ab Ghani Mohd Ali, Datuk Zainal Abidin Abu Hassan, dan Datuk Seri Ahmad Husni Hussain.

5. RM2.9 bilion untuk bantuan persekolahan tahun ini

KAJANG: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperuntukkan RM2.9 bilion sebagai bantuan persekolahan, meliputi pelbagai bentuk untuk manfaat kepada hampir 5.2 juta murid di seluruh negara pada tahun ini.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin, berkata kerajaan melalui kementerian itu sentiasa konsisten dalam memastikan kebijakan murid menjadi keutamaan dan saban tahun peruntukan itu akan meningkat.

Katanya, di Selangor saja, KPM menyalurkan lebih daripada RM221.4 juta kepada lebih empat juta murid, yang terbahagi kepada bantuan umum, khusus dan secara 'one off'.

"Ketahuilah bahawa asas pendidikan di negara ini adalah pendidikan percuma dan kerajaan tetap meneruskannya sebagai inisiatif mendahuluikan rakyat, melainkan sumbangan tertentu mengikut keperluan sekolah.

"Justeru seorang murid mendapat manfaat sekurang-kurangnya RM8,900 setahun, selaras Akta Pendidikan 550 yang menyatakan pendidikan adalah percuma di negara ini," katanya.

Beliau ditemui selepas melancarkan Program Jelajah Pendidikan KPM 2018 bertemakan 'Menerajui Perubahan-Rakan Sejati Rakyat', dekat sini, hari ini. Yang turut hadir ialah Timbalan Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Shashim Shah Harun.

Pada program itu, kira-kira 6,000 orang hadir dan berpeluang melihat transformasi pendidikan negara melalui pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Disamping itu, orang ramai juga boleh menyaksikan keberhasilan murid daripada setiap sekolah yang menyertai program ini selain bertanyakan sebarang kemasukan berkaitan pendidikan.

Program ini akan meneruskan siri jelajah ke lima lokasi lain iaitu Langkawi, Kedah, Pasir Puteh, Kelantan, Parit Buntar, Perak, Temerloh, Pahang dan Tawau, Sabah.

Dalam perkembangan lain, Amin berkata, pemansuhan Gred Purata Sekolah (GPS) yang menjadi kayu pengukur kepada pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) sekolah tidak akan menjelaskan, malah lebih bersifat holistik.

Katanya, empat penekanan akan diberikan untuk memastikan murid sekolah diberikan perhatian kerana KPM menekankan pencapaian standard minimum untuk setiap pelajar.

"Tapi itu tidak bermakna kita tidak mementingkan kualiti. Kita ada cara lain untuk memastikan kualiti murid sentiasa dipantau. Jadi kita tunggu pengumuman lain selepas Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) nanti," katanya.



DATUK Dr Amin Senin (lima dari kiri), diiringi Timbalan Pengarah Pendidikan Selangor, Shashim Harun (empat dari kiri); Pengarah Komunikasi Korporat KPM, Hazran Mohamed (lima dari kiri) dan Pegawai Pendidikan Daerah Hulu Langat, Mat Jah Roslan (tiga dari kanan) bersama dengan wakil penerima bantuan awal persekolahan sekitar Selangor pada Majlis Perasmian Jelajah Pendidikan KPM 2018 di Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat.

6. Konsesi tol terowong bakal paling 'berat sebelah' - Fadillah

KUALA LUMPUR: Isu terowong dasar laut Pulau Pinang sepanjang 7.2 kilometer, kini terarah kepada empat aspek percanggahan yang disifatkan tidak menepati garis panduan asas pelaksanaan projek.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata perkara 'pokok' yang terus menjadi persoalan adalah mengenai unjuran Kerajaan Pulau Pinang untuk memulakan pembinaan terowong itu pada 2023, walaupun projek terbabit diluluskan pada 2013.

Pengurusan janggal itu, katanya, tidak pernah dijadikan sandaran oleh kerajaan untuk menganugerahkan kontrak projek yang hanya akan mula dibina sedekad kemudian kerana keadaan alam sekitar, trafik dan penggunaan tanah berubah mengikut garis masa.

"Kaedah pembayaran menerusi penentuan awal tanah tepi laut Pulau Pinang yang bernilai tinggi berdasarkan harga semasa pula mungkin menyebabkan kerajaan negeri terlebih bayar kos pembinaan apabila projek terowong dasar laut itu dimulakan pada masa depan.

"Berdasarkan perangkaan harga zon utama Pulau Pinang beberapa dekad lalu, kita jangkakan nilai tanah yang diberikan sebagai kaedah pembayaran ini mungkin menjadi dua hingga tiga kali ganda apabila pembinaan projek terowong dasar laut siap pada 2037.

"Lebih pelik apabila kontraktor diberikan konsesi mengutip tol untuk tempoh 30 tahun, berkadar sama dengan jambatan kedua Pulau Pinang walaupun kerajaan negeri menampung sepenuhnya kos pembinaan terowong dasar laut yang dibayar menerusi pemberian tanah yang ditentukan secara awal," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menerusi catatan terbaru di blog rasminya, NajibRazak.com, Jumaat lalu, mempersoalkan keperluan membina terowong dasar laut di Pulau Pinang, memandangkan negeri itu ketika ini mempunyai dua jambatan sedia ada.

Selain bakal dinobat antara konsesi tol paling 'berat sebelah', Fadillah berkata, kontraktor terowong dasar laut Pulau Pinang akan meraih keuntungan berlipat kali ganda daripada lonjakan nilai tanah Negeri Pulau Mutiara dan kutipan pembayaran pengguna laluan sepanjang 7.2 kilometer berkenaan dalam tempoh 30 tahun.

"Ini bercanggah dengan perjanjian konsesi standard yang lazimnya memperuntukkan kos pembinaan ditampung syarikat kontraktor bagi membolehkan mereka menjelaskan pinjaman berkaitan dan menjana keuntungan menerusi pembayaran tol.

"Walaupun Kerajaan Pulau Pinang ada menghantar surat bertanyakan kemungkinan membina jambatan berbanding terowong, dua tahun lalu, kejujuran permohonan mereka masih terus menjadi persoalan.

"Ia susulan kegagalan kerajaan negeri mengemukakan dokumen sokongan berhubung laporan kajian kebolehlaksanaan terowong dasar laut, membabitkan nilai pembayaran melampau RM305 juta," katanya.

Fadillah berkata, kebimbangan terarah kepada kewajaran membina terowong dasar laut mengikut aspek keanjalan kewangan memandangkan kadar penggunaan semasa jambatan pertama dan kedua Pulau Pinang, masing-masing 87 dan 50 peratus.

Katanya, kadar penggunaan kedua-dua laluan itu boleh ditingkatkan atau diperluaskan, justeru tiada keperluan untuk membina terowong dasar laut.

"Sungguhpun Jalan Berkembar Pesisiran Pantai Utara dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang meliputi sepanjang 10.5 kilometer berupaya menyingkatkan tempoh perjalanan selama 10 minit berdasarkan kos pembinaan RM1 bilion, ia mengundang kebimbangan lain.

"Jalan ini bakal dibina atas lereng bukit curam yang sensitif terhadap sebarang perubahan alam sekitar, sekali gus menjurus kepada beberapa laluan sempit sehingga berupaya mencetuskan kesesakan terhadap sistem trafik berdekatan," katanya.



PRESIDEN Parti Pribumi Bersatu Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin bersama Timbalan Presiden Parti Pribumi Malaysia, Datuk Seri Mukhriz Mahathir ketika sidang media selepas Pelancaran Tabung Derma PPBM di Menara Yayasan Selangor.

7. Muhyiddin akui tandatangan surat kelulusan projek NFC

PETALING JAYA: Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam mengakui menandatangani surat kelulusan pelaksanaan projek National Feedlot Corporation (NFC) pada 2006.

Beliau bagaimanapun mendakwa tidak mengingati sama ada menerima laporan perkembangan projek terbabit, selepas berbuat demikian.

"Saya tak ingat, dah lama," dakwanya ketika mengelak memberi ulasan lanjut, apabila ditanya soalan itu ketika keluar dari Ibu Pejabat PPBM menuju ke kenderaan semalam. Ketika menandatangani kelulusan projek terbabit, Muhyiddin adalah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, yang dipertanggungjawab untuk meningkatkan hasil pengeluaran bahan makanan negara.

Walaupun mengaku menandatangani surat projek berkenaan, Muhyiddin mendakwa peruntukan projek itu tidak disalurkan oleh kementeriannya. Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, yang membidas sikapnya kerana mengelak daripada memberi sebarang pencerahan terhadap isu NFC. Mohd Puad mendakwa, Muhyiddin tidak berani tampil memberi pencerahan kerana isu terbabit kini cuba dikitar semula oleh pembangkang.

"Muhyiddin lebih mengutamakan pembohongan pembangkang dan mengelak untuk memalukan rakan pembangkang jika tampil membuat pencerahan isu berkenaan.

"Kalau pembangkang sendiri suka mengitar cerita lama, kenapa perlu ada pilih kasih, iaitu enggan membuat pencerahan sedangkan ketika itu beliau menyandang jawatan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani," kata Mohd Puad.

Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang, dalam catatan blog rasminya pada 21 November 2011, mendakwa Muhyiddin adalah individu yang patut dipertanggungjawabkan berhubung masalah NFC. Kit Siang turut pernah mendorong supaya Muhyiddin dipanggil Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bagi merungkaikan masalah dialami NFC.

8. RM3.7j bina jeti, benteng pemecah ombak Langkawi - Najib

LANGKAWI: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pembinaan satu jeti baru di Kuala Teriang, Langkawi dengan peruntukan sebanyak RM500,000 serta meluluskan peruntukan sebanyak RM3.2 juta untuk membina benteng pemecah ombak tambahan sepanjang 100 meter di kawasan tambatan bot nelayan di Jeti Chenang, Langkawi.

Najib berkata, pembinaan jeti baru itu akan memberi manfaat kepada 310 orang nelayan dengan 120 buah sampan yang berlabuh di kawasan berkenaan.

"Selain itu, kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga sudah membuat permohonan kepada Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) pada tahun lalu dan melihat terdapat keperluan untuk membina pemecah ombak (wavebreaker) tambahan sepanjang 100 meter bagi mengukuhkan pemecah ombak sedia ada.

"Sehubungan itu, kerajaan sudah bersetuju untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM3.2 juta bagi menyelesaikan masalah gangguan angin dan ombak kuat yang dialami oleh nelayan di kawasan tambatan bot nelayan jeti Chenang ini," katanya sambil disambut dengan tepukan gemuruh nelayan tempatan.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Sepetang Bersama Nelayan dan Penyerahan Lampu Jalan (LJK) 2017 Peringkat Parlimen Langkawi dan Nasional di Kompleks Jeti Nelayan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Chenang, di sini hari ini.

Katanya, dalam usaha kerajaan untuk memperkasakan nelayan di Langkawi, sebanyak RM3.05 juta sudah disalurkan kepada 868 nelayan di Langkawi dalam bentuk Elaun Sara Hidup bulanan.

"LKIM juga sudah memperuntukkan bajet yang sama pada tahun ini kepada nelayan yang menerima bantuan ini di Langkawi.

"Selain itu juga, nelayan di sini juga sudah menerima bayaran insentif pendaratan RM0.10 per kilogram sebanyak RM172,546 bagi tahun lalu dengan sejumlah RM2.81 juta sudah dibayar semenjak tahun 2013.

"Bagi memberi keselesaan kepada keluarga nelayan, LKIM juga meluluskan sebanyak RM3.87 juta kepada 335 orang nelayan seluruh Langkawi bagi bantuan baik pulih rumah nelayan dan bantuan bina baharu rumah nelayan semenjak tahun 2013," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga sudah memperuntukkan sebanyak RM33.26 juta untuk pembangunan dan kemudahan nelayan di Langkawi seperti pembinaan Jeti LKIM Nelayan Chenang, pembinaan

penghadang ombak di Kuala Teriang, membaiki rumah nelayan, pembinaan jeti nelayan Kilim, menaik taraf Kompleks LKIM Penarak dan banyak lagi.

Dalam majlis yang sama juga, Najib turut melancarkan Projek Lampu Jalan Kampung yang diselenggarakan di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah bersama-sama Tenaga Nasional Berhad (TNB), selaku ejen pelaksana projek.

"Inisiatif yang dibangunkan dengan peruntukan kerajaan sebanyak RM100 juta ini membolehkan penduduk menikmati manfaat dan di Parlimen Langkawi sahaja, sebanyak 537 lampu jalan kampung sudah mula dipasang pada bulan Mei tahun lalu dan siap sepenuhnya pada bulan 27 Oktober tahun yang sama.

"Kemudahan ini memberi manfaat kepada hampir 53,500 orang penduduk dari 107 buah kampung dan apabila siap terpasangnya 8,086 unit lampu jalan kampung dengan kos pemasangan sebanyak RM6.12 juta di kesemua 15 kawasan parlimen di Kedah ini, saya yakin, negeri Kedah kini semakin terang-benderang dilimpahi cahaya tanda harapan dan kejayaan," katanya.

Sementara itu dalam majlis berkenaan, hampir 1,000 nelayan di kawasan berkenaan hadir dan menerima elauan sara hidup bulanan sebanyak RM200 serta barang keperluan makanan.

Turut hadir dalam majlis berkenaan adalah Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah dan ahli Parlimen Langkawi, Datuk Ir Nawawi Ahmad.



NAJIB berucap pada perasmian Program Karnival Go I Am Usahawan 4.0 di Tapak parkir Kompleks LADA, Langkawi.

9. 'SPRM perlu siasat isu tanah Ijok'

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diminta menyiasat transaksi dan penyerahan kembali tanah di Ijok oleh Kerajaan Selangor yang didakwa mencurigakan.

Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, Datuk Mat Nadzari Ahmad Dahlan, berkata penyerahan tanah seluas 880 hektar itu menimbulkan persoalan kerana diserahkan kembali kepada dua syarikat pemaju perumahan yang bermasalah.

Katanya, tindakan Kerajaan Selangor pimpinan PKR membenarkan tanah itu dijual kepada pihak ketiga turut meragukan kerana kes rampasan tanah terbabit masih menunggu perbicaraan di Mahkamah Persekutuan.

"Bagaimana kerajaan negeri boleh membenarkan dua syarikat bermasalah ini melakukan transaksi jualan kepada pihak ketiga dengan nilai RM1.18 bilion sedangkan kes masih berjalan di Mahkamah Persekutuan.

"Memang benar peneroka lega melalui pampasan berjumlah RM421 juta dijanjikan dua syarikat itu, namun adakah nilai itu adil sedangkan hasil jualan kepada pihak ketiga berjumlah RM1.18 bilion? Ke mana baki RM756 juta?

"BN dan UMNO Selangor mendesak SPRM menyiasat apa sebenarnya berlaku di sebalik transaksi dan keputusan penyerahan balik meragukan ini," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Khamis lalu, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menuntut pihak berkuasa menyiasat dalang yang memulangkan tanah di Ijok yang dirampas kerajaan Selangor daripada pemaju perumahan pada 2009 sebelum dijual kepada pihak ketiga.

Kenyataan Abdul Khalid menyusul selepas Pengarah Komunikasi Strategik BN, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, menuntut penjelasan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dalam isu sama.

Abdul Rahman dilaporkan berkata, penyerahan tanah secara tergesa-gesa sebelum pendengaran kes di Mahkamah Persekutuan itu, menimbulkan curiga kerana keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah

Rayuan memihak kepada kerajaan negeri dalam isu mendapatkan balik tanah terbabit.

Tanah di Ijok itu diambil oleh kerajaan Selangor ketika Abdul Khalid menjadi Menteri Besar pada 2009 selepas syarikat pemaju dilantik peneroka selaku pemilik tanah, gagal memajukan kawasan berkenaan.

Mat Nadzari berkata, peneroka terbabit perlu diberi pampasan mengikut harga semasa tanah dan bukan nilai yang dibuat pada 2000.

"Rakyat Selangor perlu buka mata dan menilai sebaiknya kerana banyak lagi isu termasuk ketidakcekapan pentadbiran Kerajaan Selangor.

"Kerajaan negeri akan terus beretorik dan bermain kata-kata bagi menampakkan semuanya baik dan tiada cacat cela di pihak mereka, namun hakikatnya banyak dasar dan keputusan dibuat termasuk 'Peduli Rakyat',

sebenarnya teruk di peringkat pelaksanaan," katanya.

10. Isu terowong dasar laut, Guan Eng boleh disiasat

GEORGETOWN: Ketua Menteri, Lim Guan Eng berdepan tindakan tatatertib apabila didakwa cuba mengelirukan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang dengan mengeluarkan beberapa kenyataan bercanggah berhubung isu terowong dasar laut.

Ketua Pembangkang DUN Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid, berkata Guan Eng boleh dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk dibicarakan dengan proses itu boleh dilakukan pada bila-bila masa dan ia perlu diusulkan pada sidang DUN.

"Proses ini agak teknikal dan memerlukan sokongan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi memastikan jawatankuasa berkenaan bersetuju mendengar usul meminta supaya kenyataan Guan Eng mengenai isu ini di DUN, disiasat.

"Tambahan pula, kenyataan Guan Eng berhubung isu ini yang direkod dalam 'hansard' DUN adalah tidak tertakluk kepada tempoh had masa dan ia boleh disiasat pada bila-bila masa," katanya ketika dihubungi BH di sini, hari ini.

Ditanya sama ada wakil BN akan membentangkan usul terbabit pada sidang DUN seterusnya, Jahara berkata, pihaknya perlu melakukan persiapan terperinci sebelum mengumukakannya untuk didengar di DUN.

"Buat masa ini, kita biarkan kenyataan Guan Eng ini diadili di pentas rakyat kerana itulah yang sebaiknya. Ia selari dengan perjuangan pakatan pembangkang yang gemar menjadikan rakyat sebagai 'hakim'," katanya.

Kerajaan negeri pimpinan DAP didakwa mengelirukan DUN Pulau Pinang dan rakyatnya berhubung isu terowong dasar laut apabila dikatakan memberi beberapa kenyataan bercanggah di beberapa sidang DUN dan pada sidang media Guan Eng, sebelum ini.

Sementara itu, ADUN Pulau Betong, Datuk Dr Muhamad Farid Saad, berkata rakyat Pulau Pinang dinasihat supaya menilai kredibiliti pentadbiran kerajaan negeri dan memberi peluang kepada Barisan Nasional (BN) memperbetulkan keadaan.

"Isu pembayaran (kajian bagi tiga lebuh raya) ini sudah dibuat melalui pertukaran tanah dengan perkara berkenaan juga disahkan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan negeri, Lim Hock Seng. Catatan mengenainya juga direkodkan dalam laporan Jawatankuasa Kira-Kira (PAC) negeri.

"Saya dan mungkin kebanyakannya rakyat sebenarnya sudah bosan dengan penjelasan Guan Eng. Terlalu banyak kenyataan dikeluarkan untuk menutup kelemahan dan disusuli banyak percanggahan," katanya.

Naib Pengurus GERAKAN negeri, Oh Tong Keong pula berkata, Guan Eng sehingga kini masih gagal memberi penjelasan berhubung isu terbabit kepada rakyat, walaupun terdapat keperluan mendesak supaya pentadbiran mereka memperincikan keseluruhan projek mega itu.

"Guan Eng hanya 'pusing' isu ini, beri angka itu dan ini supaya rakyat keliru, tetapi sebenarnya pentadbirannya masih gagal memberi jawapan bagi setiap perkara berbangkit. Situasi ini jelas menunjukkan pentadbirannya hanya menjaga kepentingan peribadi, berbanding rakyat," katanya.

Info kenyataan Guan Eng

#30 April 2015

- Kerajaan negeri memaklumkan DUN bahawa kajian kebolehlaksanaan bagi projek tiga lebuh raya sudah 97 peratus siap, manakala reka bentuk terperinci (75 peratus).
- Kerajaan negeri turut memaklumkan DUN bahawa jangkaan bagi projek tiga lebuh raya itu siap sepenuhnya adalah antara 2016 hingga 2020.

#19 Mei 2017

- Kerajaan negeri memaklumkan DUN bahawa sudah membayar RM208 juta kepada syarikat perunding melalui pertukaran tanah, pada 17 Februari 2015, selepas kerja bagi kajian itu siap sepenuhnya pada Mei 2015.
- Kerajaan negeri menukar kenyataannya kepada DUN, dengan menyatakan bahawa projek tiga lebuh raya itu dijangka dibina pada pertengahan 2018.

#11 Januari 2018

- Guan Eng pada sidang medianya menyatakan kerajaan negeri tidak membuat pembayaran kepada syarikat perunding, selagi kelulusan bagi laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) belum diterima.

#26 Januari 2018

- Guan Eng pada sidang medianya memaklumkan pelaksanaan semua komponen projek mega itu mengalami kelewatan selepas ia disabotaj oleh BN.

11. RM1.3b laksana 5 projek infrastruktur Langkawi - PM

LANGKAWI: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hari ini membuktikan komitmen untuk terus membawa pembangunan ke Langkawi dengan mengumumkan peruntukan RM1.3 bilion bagi lima projek infrastruktur merangkumi projek tадahan air, menaik taraf Hospital Langkawi, pembinaan balai bomba, kuarters dan jalan raya.

Ketika mengumumkan peruntukan di bawah Rolling Plan 3 (RP3) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), Najib berkata, kerajaan Persekutuan sudah meluluskan projek menaik taraf Hospital Langkawi (HL) untuk membina bangunan tambahan dengan kos RM500 juta.

Katanya, HL buat masa ini hanya dapat menampung 110 katil pesakit dan dengan pembinaan bangunan tambahan itu, kapasiti keseluruhan hospital berkenaan akan meningkat kepada 220 katil.

"Kerajaan juga meluluskan pembinaan kuarters dan integrasi untuk kakitangan Jabatan Kesihatan di Langkawi dengan kos RM135 juta bertepatan dengan objektif untuk menempatkan semua kakitangan kesihatan di sini.

"Projek ketiga pula, kerajaan meluluskan pembinaan balai bomba Padang Matsirat lengkap dengan kemudahan kuarters dengan kos RM30 juta," katanya dalam ucapan ketika melancarkan I Am Usahawan GO 4.0 Langkawi 2018 anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di sini, hari ini.

Hadir sama, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot dan Presiden DPMM Rizal Faris Mohideen Abdul Kader.

Najib turut mengumumkan, kerajaan juga akan menaik taraf jalan persekutuan Bulatan Lapangan Terbang-PULAPOL dengan kos RM50 juta.

"Bagi menampung keperluan air bersih untuk Pulau Langkawi sehingga tahun 2040, Unit Perancang Ekonomi sudah meluluskan peruntukan RM600 juta untuk membina kemudahan tадahan air di Padang Mat Sirat yang dijangka siap 2022.

"Projek ini dapat memastikan bekalan air tambahan sebanyak 124.48 juta liter sehari disediakan mencukupi untuk rakyat di sini," katanya.

Dalam pada itu, Najib memuji langkah DPMM menganjurkan program usahawan ekonomi digital kerana ia adalah sejajar dengan revolusi Industri Keempat (IR 4.0) yang mengubah cara hidup masa kini.

Beliau berkata, menurut satu kajian dilakukan oleh sebuah badan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendapati 65 peratus pekerjaan hari ini akan pupus dalam masa beberapa tahun akan datang.

"Kebanyakan pekerjaan baru masih belum wujud lagi hari ini, di mana anak-anak yang berada di bangku sekolah ini yang akan mengisi pekerjaan itu nanti.


"Perubahan yang disifatkan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) akan mengubah cara kita hidup, cara kita bekerja dan cara kita beriadah.... pendek kata segenap aspek kehidupan kita akan berubah dengan begitu dahsyat dan pantas," katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata dalam perbualan beliau dengan Penasihat Ekonomi Digital Kerajaan, Jack Ma memberitahu sudah ada satu sistem di China diberi nama 310.

"310 ini satu sistem memproses permohonan pinjaman mikro kredit di mana pemprosesan dilakukan secara dalam talian...bila kita buat permohonan mikro kredit, sistem ini hanya perlukan tiga minit untuk memproses setiap permohonan.

"Manakala hanya 1 minit diambil untuk pindahkan dana ke akaun kita dan 0 iaitu tidak ada interface (pertemuan bersemuka) dengan manusia," katanya.

Najib berkata, rakyat perlu menempuh ledakan revolusi ini dengan tidak mengasingkan diri sebaliknya mesti menjadi pelaku utama untuk mendapatkan faedah dari ekonomi digital.



NAJIB bersalaman bersama orang ramai ketika hadir pada Majlis Perasmian Karnival Go I Am Usahawan 4.0 Langkawi di tapak parkir Kompleks LADA, Langkawi.



IDRIS (tengah) menerima cenderamata daripada Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Datuk Mohd Khalid Nasir (kanan) sambil diperhatikan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Othman Muhamad (kiri) pada perhimpunan bulanan pentadbiran kerajaan negeri Melaka anjuran Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh

12. Melaka terima RM300 juta laksana ORS

AYER KEROH: Kerajaan Melaka menerima peruntukan RM300 juta untuk projek pembinaan sistem takungan air atau 'Off River Storage' (ORS) bagi menangani keperluan bekalan air bersih dalam jangka panjang.

Mengumumkan perkara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata projek menerusi peruntukan Kerajaan Pusat itu berupaya menampung keperluan bekalan air penduduk di negeri ini sehingga tahun 2020.

Beliau berkata, projek ORS yang bakal dibangunkan di Masjid Tanah, Alor Gajah, di sini, berupaya menampung sehingga 500 juta liter sehari pada masa akan datang selaras dengan program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

"Kita (kerajaan negeri) memerlukan bekalan air tambahan sehingga 310 juta liter sehari pada tahun 2020, namun sistem ini (ORS) mampu menampung sehingga 500 juta liter sehari.

"Jadi, Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) diminta segera menjalankan kajian ini dengan memberi tumpuan kepada kawasan sekitar Masjid Tanah, Kuala Linggi dan Lubuk China bagi tujuan kemajuan ORS. Ini kerana, kita mempunyai rencana untuk membina Empangan Air Sungai Jernih di Taboh

Naning yang ditangguh sebelum ini," katanya selepas majlis perhimpunan bulanan anjuran SAMB di Seri Negeri, hari ini.

Idris yang juga Pengurus SAMB berkata, Melaka antara negeri yang akan diberi perhatian utama dalam merencana sistem ORS kerana ia kaedah baharu yang dipercayai mampu berfungsi sebagai tebatan semasa banjir atau takungan ketika musim kemarau.

Katanya, sistem itu juga berupaya mengurangkan kebergantungan negeri kepada Sungai Muar, Johor sebanyak 160 juta liter sehari kepada 77 juta liter sehari.

"Projek ini bukti komitmen berterusan kerajaan Barisan Nasional (BN) pada peringkat Persekutuan dan negeri untuk menjaga kebajikan rakyat di Melaka," katanya.

**PENGARAH SPRM Kelantan, Datuk Moh Samsuddin Yusof****13. SPRM pantau ahli politik Kelantan terbabit rasuah**

KOTA BHARU: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan hari ini, mendedahkan terdapat beberapa ahli politik di negeri ini dipercayai terbabit dengan kegiatan rasuah.

Pengarah SPRM Kelantan, Datuk Moh Samsuddin Yusof, berkata pihaknya kini sedang memantau ahli politik berkenaan sebelum sebarang tindakan susulan diambil.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan maklumat itu lebih lanjut termasuk latar belakang ahli politik terbabit.

Sementara itu, seramai lapan pegawai dan kakitangan agensi kerajaan di negeri ini ditangkap kerana terbabit rasuah pada tahun lalu.

"Sembilan mereka ini ditangkap kerana menerima rasuah antara RM500 hingga RM5,000 setiap seorang daripada beberapa individu.

"Tangkapan itu dibuat di beberapa lokasi di negeri ini sejak Januari dan Disember tahun lalu," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini.

Moh Samsuddin berkata, bagi tempoh sama, SPRM Kelantan juga merekodkan 201 aduan daripada orang ramai.

Katanya, kebanyakan aduan itu membabitkan mengenai salah laku pegawai kerajaan, diikuti kes membuat tuntutan palsu dan menerima rasuah.

"Dari pada 201 aduan yang diterima, kami membuka 14 kertas siasatan, manakala selebihnya adalah kertas penyiasatan awal," katanya.



PEMANGKU Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah (dua dari kiri) bersama Pengarah Eksekutif Tanah Makmur Berhad (TMB), Tengku Amir Naseer Tengku Ibrahim (tiga kanan) melihat replika pembangunan KotaSAS pada majlis perasmian Ibu Pejabat Tanah Makmur Berhad dan Galeri jualan KotaSAS.

14. ECRL bermanfaat besar kepada rakyat - Tengku Abdullah

UANTAN: Pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) adalah projek berteraskan rakyat, titah Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Sehubungan itu, baginda menyambut baik pelaksanaan projek mega itu yang akan memberi kesan positif dan manfaat besar, antaranya memudahkan pergerakan dan membangunkan pertumbuhan bandar baharu di Pantai Timur.

"ECRL ini, beta anggap adalah projek untuk rakyat, keretapi rakyat... ia dapat mendekatkan mereka yang berada di Pahang, Kelantan dan Terengganu dengan Selangor (Lembah Klang). Orang jauh menjadi lebih dekat.

"Pahang beruntung kerana berada di tengah-tengah dan beta percaya ia mampu memberi nilai tambah kepada ekonomi negeri ini," titahnya ketika berucap merasmikan Ibu Pejabat Tanah Makmur Berhad dan Galeri Jualan KotaSAS, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Pengarah Eksekutif Tanah Makmur Berhad, Tengku Amir Nasser Tengku Ibrahim.

ECRL yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Ogos tahun lalu membabitkan pembinaan laluan rel kereta api sepanjang 600.3 kilometer merentasi sebahagian Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Projek mega bernilai kira-kira RM55 bilion yang dijangka siap pada 2024 itu adalah pengangkutan awam penumpang dan kargo yang berupaya memendekkan tempoh perjalanan dari Tumpat, Kelantan ke Gombak, Selangor kepada hanya lima jam.

Ia sekali gus dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi sehingga 1.5 peratus bagi negeri di Pantai Timur, seterusnya menawarkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

Sementara itu, Tengku Abdullah bertitah, perancangan pembangunan KotaSaS termasuk membabitkan pembinaan Pusat Pentadbiran Sultan Ahmad Shah dilaksanakan sejak sekian lama, termasuk oleh pemimpin terdahulu antaranya, Allayarham Datuk Abdul Rahim Abu Bakar, Najib dan pada masa ini diteruskan oleh Adnan .

"Ia adalah visi asal datang dari keprihatinan kerajaan negeri yang berfikiran panjang untuk memastikan Kuantan menjadi lebih berkembang selepas tahun 2020.

"Kita juga sudah ada perancangan (pembangunan) Gebeng yang terletak tidak jauh daripada KotaSaS, ia akan melengkapai satu sama lain, bukannya bersaing dan kita harap dapat melihat perkembangan pesat Kuantan dalam tempoh 10 ke 20 tahun akan datang," katanya.

Baginda turut berharap keadaan persekitaran alam sekitar di KotaSaS akan menjadi lebih baik pada masa hadapan dan memberi keselesaan kepada masyarakat yang bakal menduduki bandar baharu berkenaan.

"Harap ia menjadi bandar baharu berkualiti dan mempunyai udara segar, tiada merah-merah ini (merujuk kepada bauksit), kita akan selesaikannya," katanya.

15. RM564 juta bagi atasi banjir di Pekan

PEKAN: Kerajaan menyediakan peruntukan RM564 juta bagi melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bandar Pekan untuk mengatasi masalah banjir di daerah ini yang berlarutan sejak tahun 1920-an.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata pelaksanaan projek itu akan memberi manfaat kepada kira-kira 83,000 penduduk.

"Tidak perlu saya cerita pasal 'river levee' (benteng sungai) atau ban kerana apa yang penting melalui projek RTB ini, kita akan dapat atasi masalah banjir yang sering melanda daerah Pekan... ini yang lebih penting dan ini yang rakyat nak tahu.

"Janganlah pula kata, apabila kita (kerajaan) umum projek seperti ini... ada pula yang kata kita bagi dedak... kita adalah kerajaan yang adil, semua (negeri) dapat peruntukan untuk projek tebatan banjir.

"Bukan kata Pahang saja dapat, Kelantan yang diperintah parti pembangkang pun dapat (peruntukan) kira-kira RM800 juta untuk projek sama (tebatan banjir) bagi mengatasi masalah dihadapi penduduk di sana," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Rancangan Tebatan Banjir RTB Bandar Pekan Fasa II di Kampung Pulau Keladi, dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir Hamim Samuri.

Pelaksanaan projek RTB itu merangkumi tiga fasa iaitu Fasa I di sekitar Bandar Diraja Pekan seluas 2,600 hektar; Fasa II di kawasan masjid, hospital dan Perumahan Pelangkah (1,500 hektar) dan Fasa III membabitkan kawasan seluas 2,100 hektar di kawasan Sungai Miang dan Durian Sebatang.

Projek RTB Fasa I yang bermula pada hujung tahun 2014, dijangka siap Mei depan, manakala Fasa II pula membabitkan kos RM108.6 juta akan siap menjelang Mei tahun 2020.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak melihat Sungai Pahang pada Majlis Pecah Tanah Projek Rancangan Tebatan Banjir RTB Bandar Pekan Fasa II di Kampung Pulau Keladi, Pekan, hari ini.



TAN Sri Dzulkifli Ahmad bersama Pengurus Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Tan Sri Ter Leong Yap (dua dari kiri); Naib Pengurus Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye (kiri); Datuk Seri Azam Bakri dan Timbalan Pengurus Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Tan Sri Lim Sing (kanan), menggaul Yee Sang pada Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina SPRM di Putrajaya.

16. SPRM masih teliti dokumen tanah Ijok

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih mengkaji semua dokumen dirampas daripada lima syarikat bagi membantu kes penjualan tanah milik Kerajaan Selangor seluas kira-kira 880 hektar di Mukim Ijok yang mencetuskan kontroversi.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), SPRM Datuk Seri Azam Bakri, berkata pada masa ini, pihaknya masih menjalankan siasatan berhubung isu penjualan tanah berkenaan.

"Siasatan masih dijalankan dan seperti disebutkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, pada minggu lalu, rampasan dokumen daripada lima syarikat masih dikaji.

"Justeru, siasatan kita berdasarkan maklumat baharu yang diperoleh daripada banyak pihak. Jadi, beri kami peluang untuk melihat kepada dokumen dan maklumat ini," katanya pada majlis sambutan Tahun Baharu Cina bersama komuniti Cina di Ibu Pejabat SPRM di sini, hari ini, yang turut dihadiri Dzulkifli.

Pada 22 Februari lalu, media melaporkan SPRM menyerbu lima syarikat dan merampas beberapa dokumen berkaitan isu penjualan tanah milik kerajaan negeri seluas kira-kira 880 hektar di Mukim Ijok kepada sebuah syarikat pemaju swasta pada harga RM1.18 bilion.

Lima syarikat berkenaan membabitkan empat syarikat pemaju dan sebuah firma guaman di sekitar Selangor.

Dalam laporan media berkenaan, Dzulkifli dipetik sebagai berkata, beliau mengesahkan serbuan dijalankan SPRM, namun menafikan khabar angin kononnya ada serbuan di pejabat Menteri Besar serta pejabat kerajaan negeri.

Pada 15 Februari lalu, bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menuntut pihak berkuasa menyiasat dalang yang memulangkan tanah dirampas kerajaan Selangor daripada pemaju perumahan di Ijok pada 2009, yang kemudian dijual kepada pihak lain.

Abdul Khalid mempersoalkan kenapa tanah (seluas 880 hektar itu) yang dirampas secara sah ketika beliau menjadi Menteri Besar, dipulangkan kepada syarikat sama selepas itu sebelum kawasan terbabit dijual kepada syarikat awam lain.

Azam berkata, pihaknya juga meminta mana-mana pihak yang mempunyai maklumat dan keterangan berhubung isu penjualan tanah berkenaan supaya tampil bagi membantu siasatan.

Sementara itu, mengulas kes mengatur perlawanan Liga Perdana membabitkan dua pemain Sarawak, beliau berkata, perkara berkenaan masih dalam siasatan SPRM.

"Siasatan masih diteruskan selepas mereka dilepaskan daripada tahanan reman baru-baru ini. Beri peluang kepada kami untuk melengkapkan siasatan," katanya.

Pada 21 Februari lalu, Mahkamah Majistret Petra Jaya, Kuching membebaskan dua pemain pasukan bola sepak Sarawak selepas direman enam hari kerana disyaki terbabit dalam aktiviti mengatur perlawanan.

Sebelum itu, mereka ditahan SPRM selepas Persatuan Bola Sepak Sarawak (FAS) mengeluarkan kenyataan pada 11 Februari lalu mendakwa wujud kegiatan mengatur perlawanan Liga Perdana membabitkan Sarawak menentang FELCRA United.



Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar (tengah) dan Duta Besar China ke Malaysia Bai Tian (tiga dari kanan) menyaksikan Perjanjian Penandatanganan Kerjasama antara Ketua Pengarah Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) Datuk Abdul Rahman Kadir Abu Hashim (tiga dari kiri) dan Pengarah Urusan Eksekutif China Communication Constructions Company (ECRL) Bai Yinzhan (empat dari kanan) mengenai Pelan Pengurusan Hidupan Liar untuk Projek ECRL di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini. Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah PERHILITAN Fakhru Hatta Musa (kiri) dan Pengarah Infra Malaysia Rail Link Sdn Bhd Nor Rizan Mohd Akhir (kedua, kanan)

17. RM10 juta bagi pemuliharaan alam sekitar projek ECRL

PUTRAJAYA: China Communications Construction Company Ltd (CCCC), pemaju utama Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) memperuntukkan kira-kira RM10 juta bagi melaksanakan kerja pemuliharaan dan pemindahan hidupan liar yang terancam akibat projek berkenaan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata ia akan diberikan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bagi memantau kesan terhadap biodiversiti, terutama hidupan liar dan spesis terancam untuk tempoh tujuh tahun.

"Kita bekerjasama dengan semua pihak terutama pemilik projek ECRL, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) untuk memperbaiki jajaran dan reka bentuk projek ini supaya dapat mengurangkan jumlah hidupan liar yang terjejas seperti gajah, harimau dan tapir di sekitar kawasan yang terbabit.

"Malah, pegawai PERHILITAN, pakar alam sekitar dan pasukan projek ECRL juga turun ke bawah bagi memantau perjalanan projek ini. Sekiranya terdapat spesis yang jarang ditemui terancam, kita akan pindahkan di tempat lain," katanya pada sidang media selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara PERHILITAN dengan CCCC di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, hari ini.

Pada majlis itu, PERHILITAN diwakili Ketua Pengaruhnya, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim, manakala CCCC diwakili Pengarah Urusan Eksekutifnya, Bai Yinzhan.

Yang turut hadir, Duta Besar China di Malaysia, Bai Tian.

Wan Junaidi berkata, reka bentuk asal sebelum ini mengakibatkan kehilangan besar hutan simpan tetapi selepas pengubahsuaian yang dilakukan antara PERHILITAN dengan pihak terbabit dapat mengurangkan kesan kerosakan hutan sehingga 90 peratus.

"Pengubahsuaian ini juga membabitkan pembinaan sebanyak 45 terowong sepanjang 49 kilometer (km) di laluan ECRL dan satu daripadanya membabitkan pembinaan terowong sepanjang 17 kilometer dari Gombak ke Bentong, sekali gus menjadi terowong kereta api terpanjang di Malaysia.

"Selain itu, usaha yang dilakukan oleh CCCC dalam memelihara alam sekitar ini juga boleh menjadi penanda aras kepada pemaju lain untuk lebih peka terhadap kesan kepada flora dan fauna, bukan hanya mementingkan keuntungan semata-mata," katanya.

Pada Ogos tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak merasmikan projek ECRL yang membabitkan pembinaan laluan rel kereta api sepanjang 600.3 kilometer merentasi sebahagian Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Projek mega bernilai kira-kira RM55 bilion yang dijangka siap pada 2024 itu akan menghubungkan Lembah Klang dengan Pahang, Terengganu dan Kelantan selari dengan inisiatif kerajaan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur negara dan menaik taraf pengangkutan awam di luar bandar.

Malah, ECRL bakal mengurangkan masa perjalanan dengan laluan rel kereta api dari Terminal Pengangkutan Bersepadu (ITT) di Gombak, Selangor ke Kota Bharu, Kelantan dalam masa kurang daripada empat jam berbanding purata tujuh jam melalui jalan raya.

Ia sekali gus dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi sehingga 1.5 peratus bagi negeri di Pantai Timur, seterusnya menawarkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.



MOHD Irwan Serigar (tengah) bergambar bersama sebahagian pelajar dan kakitangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) selepas menyampaikan amanatnya pada Majlis Amanat Cabaran Ekonomi di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus, Pengkalan Chepa.

18. 1MDB ditutup selepas selesai hutang

KOTA BHARU: Syarikat pelaburan strategik, 1Malaysia Development Berhad (1MDB), akan ditutup sebaik saja semua hutang firma itu berjaya diselesaikan.

Pengerusi 1MDB, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata beliau yakin syarikat itu mampu membayar segala hutang melalui pelan rasionalisasi sedang dilaksanakan.

Beliau yang juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan, berkata hutang terbabit akan dibayar daripada hasil pendapatan projek mega kerajaan seperti pembinaan bandar Tun Razak Exchange (TRX), menara The Exchange 106 yang tertinggi di Malaysia, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) serta Transit Aliran Massa Kedua (MRT 2).

"Tidak lama lagi, penghuni yang memiliki tempat di bandar TRX akan membayar sewa dan kita juga akan menjual plot tanah, Bandar Malaysia yang akan dibangunkan nanti juga akan menjadi canggih dengan adanya semua pengangkutan awam seperti kereta api laju, ECRL serta MRT.

"Melalui wang ini kita akan membayar hutang...hasil diperoleh bukan membabitkan sehari dua, sebaliknya akan memakan masa lebih 10 tahun untuk menjana pendapatan daripada pembangunan jangka panjang terbabit.

"Sebaik saja habis hutang, tidak perlu lagi wujud 1MDB," katanya pada sidang media selepas menyampaikan Amanat Cabaran Ekonomi kepada pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK), di sini, hari ini.

Pada tahun lalu, mengikut Surat Ikatan Penyelesaian dengan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia dan IPIC, 1MDB sudah membayar penuh kepada International Petroleum Investment Co (IPIC) bagi hutang yang tarikh akhirnya pada 31 Disember 2017.

1MDB perlu membayar kira-kira AS\$600 juta (RM2.43 bilion) kepada IPIC sebagai sebahagian perjanjian penyelesaian yang dipersetujui pada April tahun lalu.

Terdahulu, ketika menyampaikan amanatnya, Mohd Irwan Siregar berkata, 1MDB adalah sama seperti syarikat lain yang ditubuhkan kerajaan untuk menjalankan perniagaan.

"Sudah tentu ada syarikat yang untung dan rugi...apabila rugi kita akan tutup. Namun, semua hutang perlu dibayar dulu," katanya.